

Kerajaan harap Belanjawan 2003 catat defisit bawah 6% daripada KDNK

PUTRAJAYA 4 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berharap Belanjawan 2003 akan mencatat jumlah defisit lebih rendah iaitu di bawah paras enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Perdana Menteri berkata, usaha dibuat bagi mencapai belanjawan berimbang tetapi keadaan agak sukar memandangkan banyak pihak yang meminta supaya cukai dikurangkan dan perbelanjaan awam ditingkatkan.

“Saya tidak fikir 2003 akan dapat mencapai belanjawan berimbang, mungkin defisit tetapi saya harap ia berkurangan.

“Kalau dapat (defisit) 5.5 peratus pun sudah bagus (kerana) ia bukan mudah,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi keempat Majlis Dialog Belanjawan 2003 di pejabatnya di sini hari ini.

Dalam Belanjawan 2002, dengan mengambil kira anggaran hasil sebanyak RM73.4 bilion, akaun kerajaan keseluruhan Kerajaan Persekutuan mencatat defisit sebanyak lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu RM18.6 bilion.

Bagaimanapun, kerajaan kemudiannya mengumumkan pakej ranga-

ngan tambahan melebihi RM7 bilion berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat menjadikan menjadi defisit dianggarkan berjumlah kira-kira RM25.6 bilion atau 6.88 peratus daripada KDNK.

Pada tahun 2001, kerajaan mencatat defisit berjumlah RM22.4 bilion atau 6.5 peratus.

Menurut Perdana Menteri, berdasarkan empat sesi dialog belanjawan setakat ini, semua pihak meminta supaya cukai diturunkan dan perbelanjaan ditingkat, sekali gus boleh menyumbang kepada peningkatan defisit.

“Kalau begitu, tentunya defisit yang kita ada menjadi semakin banyak.

Pertumbuhan ekonomi

“Dalam usaha kita mengurangkan defisit, kita harap mereka menerima bahawa cukai mungkin tidak dapat dikurangkan dan perbelanjaan tidak dapat ditambah terlalu banyak,” tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan boleh mengadakan belanjawan lebihan tetapi ia tidak akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara.

“Kalau ikut Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), kita perlu ada belanjawan lebihan setiap masa walaupun rakyat merana tetapi kita tidak boleh berbuat demikian.

“Seperti tahun lepas, kita terpaksa tingkatkan belanja untuk merangsangkan ekonomi, kesannya ekonomi kita dapat tumbuh positif walaupun sedikit sahaja iaitu 0.4 peratus,” katanya.

Mengenai cadangan supaya cukai korporat dikurangkan bagi menggalakkan perkembangan perniagaan, Dr. Mahathir berkata, kajian lanjut perlu dilakukan mengenainya memandangkan kerajaan telah mengurangkannya kepada 28 peratus sahaja berbanding 45 peratus satu ketika dulu.

“Ada negara yang mempunyai cukai korporat rendah seperti Hong Kong, 16 peratus atau Singapura yang mungkin menurunkannya kepada 20 peratus dari 25 peratus tetapi insentif bukan hanya cukai sahaja.

“Mungkin kita dapat beri insentif lain bagi menarik pelaburan,” kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri turut mengulangi kenyataannya bahawa kerajaan akan mula membentangkan belanjawan untuk dua tahun mulai Belanjawan 2003 bagi mempercepatkan perbelanjaan awam.

“Tahun ini kita sudah menyenarai projek-projek untuk dilaksanakan pada tahun depan manakala peruntukannya akan dimasukkan dalam Belanjawan 2003,” jelasnya.